

Sinopsis

Tajuk-tajuk dalam modul ini merangkumi isu-isu perundangan dalam zaman digital, isu-isu media sosial, Isu-isu etika, serta teknologi, pengajaran dan anda yang meliputi literasi teknologi pendidikan dan piawai teknologi dalam aspek pelajar, guru dan pentadbir. Modul ini juga dibekalkan dengan soalan latihan dan senarai bahan rujukan.

**Hasil Pembelajaran**

Setelah selesai mengikuti modul ini, diharap anda dapat:

1. Memahami merangkumi isu-isu perundangan dalam zaman digital, isu-isu media sosial dan isu-isu etika.
2. Menganalisis konsep, teori, amalan dan perkembangan teknologi pengajaran.
3. Menilai keberkesanan pembangunan dan penggunaan media pengajaran.

6.1 Isu-isu perundangan dalam zaman digital**6.1.1 Hak Cipta Undang-undang**

Malaysia ialah satu daripada negara-negara yang menyertai Konvensyen Berne. Ini bermakna, karya-karya dari semua negara dalam konvensyen ini menikmati perlindungan pada taraf yang sama dengan karya-karya di Malaysia. Walau bagaimanapun, karya-karya dari negara yang tidak menyertai konvensyen ini juga mendapat perlindungan sekiranya karya itu “ mula-mulanya diterbitkan di Malaysia” atau “mula-mulanya diterbitkan di tempat lain tetapi diterbitkan di Malaysia dalam masa tiga puluh hari dari penerbitan di tempat lain itu”.

Hak cipta merupakan hak eksklusif kepada pemilik bahan berhak cipta bagi tempoh tertentu yang mengawal penggunaan sesuatu pernyataan idea atau maklumat. Hak cipta juga merupakan harta intelektual.

6.1.2. Tertakluk kepada Akta ini, tiada hak cipta boleh wujud kecuali menurut kuasa Akta ini.

(1) Karya yang layak mendapat hak cipta tertakluk kepada seksyen ini, karya yang berikut adalah layak mendapat hak cipta:

- (a) karya sastera;
- (b) karya muzik;
- (c) karya seni;
- (d) filem;
- (e) rakaman bunyi; dan
- (f) siaran.

(2) Karya adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya itu dihasilkan.

(2A) Perlindungan hak cipta tidaklah meluas kepada apa-apa idea, tatacara, kaedah pengendalian atau konsep matematik sebagai sedemikian.

(3) Sesuatu karya sastera, muzik atau seni tidaklah layak mendapat hak cipta melainkan:-

(a) usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli; dan

(b) karya itu telah ditulis, direkod atau selainnya dijadikan dalam bentuk bahan.

(4) Sesuatu karya tidaklah hilang kelayakannya mendapat hak cipta semata-mata kerana pembuatan karya itu, atau perlakuan apa-apa perbuatan berhubungan dengan karya itu melibatkan pelanggaran hak cipta dalam sesuatu karya lain.

(5) Hak cipta tidak boleh wujud di bawah Akta ini dalam apa-apa reka bentuk yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan reka bentuk perindustrian.

- (6) (Dipotong oleh Akta A1420).
- (7) Bagi maksud seksyen ini, —mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan reka bentuk perindustrian— termasuklah:
- (a) Akta Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949 [Akta 214];
 - (b) Ordinan Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) Sabah [Sabah Bab 152]; dan
 - (c) Ordinan Reka Bentuk (United Kingdom) Sarawak [Sarawak Bab 59].

Karya terbitan

- (1) Karya terbitan berikut adalah dilindungi sepertimana karya asal:
- (a) terjemahan, penyesuaian, susunan dan perubahan lain karya yang layak bagi hak cipta; dan
 - (b) koleksi karya yang layak bagi hak cipta, atau penyusunan data semata-mata sama ada dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin atau bentuk lain, yang menjadi suatu hasil ciptaan intelek oleh sebab pemilihan dan susunan kandungannya.
- (2) Perlindungan karya yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah tidak menjejaskan apa-apa perlindungan kepada karya yang tersedia wujud yang digunakan.

Hak cipta dalam edisi karya diterbitkan

- (1) Hak cipta wujud, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dalam setiap edisi diterbitkan bagi mana-mana satu atau lebih karya sastera, seni atau muzik sama ada dalam hal —
- (a) penerbitan pertama edisi itu berlaku dalam Malaysia; atau
 - (b) penerbit edisi itu adalah orang berkeelayakan pada tarikh penerbitan pertama itu:-

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai kepada suatu edisi yang mengeluarkan semula susunan tipografi edisi yang sebelumnya karya atau karya-karya yang sama.

- (2) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, penerbit sesuatu edisi adalah berhak kepada hak cipta yang wujud dalam edisi itu menurut kuasa seksyen ini.
- (3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perlakuan yang disekat oleh hak cipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini dalam suatu edisi ialah perbuatan mengeluarkan semula susunan tipografi edisi itu.
- (4) Pengeluaran semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan bagi apa-apa maksud termasuk penyelidikan, pengajian sendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa tidak melanggar hak cipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu bersesuaian dengan urusan yang wajar:

Dengan syarat bahawa jika pengeluaran semula itu diumumkan kepada awam ia hendaklah disertai dengan suatu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu dimasukkan secara sampingan dalam sesuatu siaran.

- (5) Kerajaan, Arkib Negara, atau mana-mana Arkib Negeri, Perpustakaan Negara, atau mana-mana perpustakaan Negeri, atau mana-mana perpustakaan awam dan institusi pelajaran, sains atau profesional sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, boleh mengeluarkan semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan tanpa melanggar hak cipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu adalah demi kepentingan awam dan bersesuaian dengan urusan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan.

Kelayakan bagi perlindungan

- (1) Hak cipta wujud dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hak cipta yang mana pencipta atau dalam hal karya ciptaan bersama, mana-mana

daripada pencipta itu adalah seorang orang berkeelayakan semasa karya itu dibuat.

- (2) Hak cipta juga wujud dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hak cipta dan yang—
- (a) sebagai suatu karya sastera, muzik atau seni atau filem atau rakaman bunyi adalah mula-mulanya diterbitkan di Malaysia;
 - (b) sebagai suatu karya seni bina adalah didirikan di Malaysia atau sebagai mana-mana karya seni lain adalah dimuatkan dalam suatu bangunan yang terletak di Malaysia;
 - (c) sebagai suatu siaran adalah dipancarkan dari Malaysia.
- (3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), hak cipta wujud, tertakluk kepada Akta ini, dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hak cipta jika karya itu telah dibuat di Malaysia.

Kelayakan bagi perlindungan pelaku

- A. Hak pelaku hendaklah wujud dalam tiap-tiap persembahan yang pelakunya itu ialah—
- (a) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
 - (b) bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia tetapi persembahannya —
 - (i) diadakan di Malaysia;
 - (ii) telah digabungkan dalam rakaman bunyi yang dilindungi di bawah Akta ini; atau
 - (iii) belum lagi ditetapkan dalam rakaman bunyi tetapi termasuk dalam suatu siaran yang layak untuk dilindungi di bawah Akta ini.

Hak cipta mengenai karya Kerajaan, pertubuhan Kerajaan dan badan antarabangsa

- (1) Hak cipta wujud bagi tiap-tiap karya yang layak mendapat hak cipta dan yang dibuat oleh atau di bawah arahan atau kawalan Kerajaan dan mana-mana pertubuhan Kerajaan atau badan antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah.
- (2) Seksyen 10 tidaklah boleh dikira sebagai memberi hak cipta kepada karya yang kepadanya seksyen ini terpakai.

Pentadbiran hak cipta Kerajaan

1. Jika hak cipta bagi mana-mana karya adalah terletak hak pada Kerajaan, Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan hak cipta itu hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan kawalan hak cipta tersebut bagi pihak Kerajaan:
2. Dengan syarat bahawa Kementerian atau Jabatan berkenaan boleh memberi kuasa kepada Pengarah Arkib Negara untuk mentadbir dan mengawal hak cipta tersebut bagi pihak Kerajaan.

BAHAGIAN III

KUASA DAN JANGKA MASA HAK CIPTA

Kuasa hak cipta mengenai karya sastera, muzik atau seni, filem dan rakaman bunyi

- (1) Hak cipta mengenai karya sastera, muzik atau seni, filem, rakaman bunyi atau karya terbitan adalah hak eksklusif bagi mengawal dalam Malaysia
 - (a) pengeluaran semula dalam apa-apa bentuk bahan;
 - (b) penyampaian kepada orang awam;
 - (c) pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam;

- (d) (Dipotong oleh Akta A994);
- (e) (Dipotong oleh Akta A994);
- (f) pengedaran salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain; dan
- (g) penyewaan secara komersial kepada orang awam,

keseluruhan atau sebahagian besar karya itu, sama ada dalam bentuk asal atau bentuk terbitan dengan syarat bahawa :

- (A) hak eksklusif untuk mengawal pengedaran salinan hanya merujuk kepada perbuatan mengedarkan salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini dan tidak kepada mana-mana pengedaran kemudiannya salinan itu atau apa-apa pengimportan kemudiannya salinan itu ke dalam Malaysia; dan
- (B) hak eksklusif untuk mengawal penyewaan komersial berhubungan dengan filem hendaklah terpakai hanya apabila penyewaan komersial itu telah menyebabkan pembuatan salinan karya itu secara meluas sehingga mengurangkan hak eksklusif pengeluaran semula secara material.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), hak mengawal di bawah subseksyen itu tidak termasuk hak untuk mengawal :

- (a) perlakuan mana-mana perbuatan yang tersebut dalam subseksyen (1) secara urusan yang wajar termasuk bagi maksud penyelidikan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa: Dengan syarat bahawa ia disertai dengan suatu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu berkaitan dengan pelaporan berita atau peristiwa semasa dengan cara suatu rakaman bunyi, filem atau siaran, maka perakuan tidak diperlukan;
- (b) perlakuan mana-mana perbuatan yang tersebut dalam subseksyen (1) secara parodi, pastic, atau karikatur;
- (c) kemasukan dalam sesuatu filem atau siaran apa-apa karya seni yang terletak di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh awam;

- (d) pengeluaran semula dan pengedaran salinan apa-apa karya seni yang terletak dengan kekal di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh awam;
- (e) kemasukan secara sampingan sesuatu karya dalam sesuatu karya seni, rakaman bunyi, filem atau siaran;
- (f) kemasukan sesuatu karya dalam sesuatu siaran, pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, koleksi karya sastera atau muzik, rakaman bunyi atau filem, jika kemasukan sedemikian dibuat secara ilustrasi bagi maksud mengajar dan bersesuaian dengan amalan yang wajar: Dengan syarat bahawa sumbernya dan nama pencipta yang terdapat pada karya yang digunakan itu disebut;
 - (ff) apa-apa penggunaan sesuatu karya bagi maksud sesuatu peperiksaan dengan cara menyediakan soalan, menyampaikan soalan kepada calon atau menjawab soalan:

Dengan syarat bahawa suatu salinan reprografik sesuatu karya muzik tidaklah boleh dibuat bagi penggunaan seseorang calon peperiksaan dalam mempertunjukkan karya itu;

- (g) pengeluaran semula yang dibuat di sekolah, universiti atau institusi pendidikan mengenai sesuatu karya yang dimasukkan dalam sesuatu siaran untuk digunakan bagi sekolah, universiti atau institusi pelajaran itu;
 - (gg) pembuatan sesuatu rakaman bunyi bagi sesuatu siaran, atau sesuatu karya sastera, drama atau muzik, rakaman bunyi atau sesuatu filem yang termasuk dalam siaran setakat mana ia mengandungi bunyi jika rakaman bunyi sesuatu siaran itu adalah bagi kegunaan persendirian dan domestik oleh orang yang membuat rakaman bunyi itu;
 - (ggg) pembuatan sesuatu filem bagi sesuatu siaran, atau sesuatu karya sastera, seni, drama atau muzik atau sesuatu filem yang termasuk dalam siaran setakat mana ia

mengandungi gambaran pandangan jika pembuatan sesuatu filem bagi siaran itu adalah bagi kegunaan persendirian dan domestik oleh orang yang membuat filem itu;

(gggg) pembuatan dan pengeluaran salinan bagi apa-apa karya ke dalam suatu format untuk memenuhi keperluan khas orang yang kurang penglihatan atau kurang pendengaran dan pengeluaran salinan itu kepada orang awam oleh badan atau institusi yang tidak mencari keuntungan dan atas terma yang ditetapkan oleh Menteri;

(h) pembacaan atau pengucapan oleh seseorang kepada awam atau dalam sesuatu siaran akan apa-apa cabutan yang munasabah dari karya sastera yang sudah diterbitkan jika disertai dengan perakuan yang mencukupi;

(i) apa-apa penggunaan sesuatu karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan Kerajaan, oleh Arkib Negara atau mana-mana Arkib Negeri, oleh Perpustakaan Negara atau mana-mana perpustakaan Negeri, atau oleh mana-mana perpustakaan awam dan institusi pelajaran, sains dan profesional sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, jika penggunaan sedemikian adalah untuk kepentingan awam dan bersesuaian dengan amalan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan; dan

(j) tiada keuntungan didapati daripadanya; dan

(k) tiada bayaran masuk dikenakan bagi pertunjukan, tayangan atau permainan, jika ada, kepada awam karya yang digunakan sedemikian;

(k) pertunjukan, tayangan atau permainan sesuatu karya oleh sesuatu kelab atau institusi yang bukan mencari keuntungan jika pertunjukan, tayangan atau permainan itu adalah bagi maksud khairat atau pendidikan dan diadakan di sesuatu tempat di mana tiada fi kemasukan dikenakan berkenaan dengan pertunjukan, tayangan atau permainan itu;

(l) pengeluaran semula apa-apa karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan sesuatu perkhidmatan penyiaran jika pengeluaran semula sedemikian atau mana-mana salinannya dimaksudkan semata-mata untuk siaran yang sah dan pengeluaran semula itu atau salinannya dibinasakan sebelum berakhir tempoh enam bulan kalendar selepas sahaja pengeluaran semula itu dibuat atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana dipersetujui di antara perkhidmatan penyiaran dan pemunya hak cipta bagi bahagian karya yang berkaitan itu: Dengan syarat bahawa apa-apa pengeluaran semula sesuatu karya yang dibuat di bawah perenggan ini boleh, jika ia dokumentar bersifat teristimewa, disimpan dalam arkib perkhidmatan penyiaran yang mana dengan ini dinamakan arkib rasmi bagi maksud itu, tetapi tertakluk kepada Akta ini, pengeluaran semula itu tidak boleh digunakan untuk penyiaran atau bagi apa-apa maksud lain tanpa persetujuan pemunya hak cipta bagi bahagian karya yang berkaitan itu;

(l) apa-apa penggunaan sesuatu karya bagi maksud apa-apa prosiding kehakiman, prosiding suatu suruhanjaya di raja, suatu badan perundangan, siasatan statutori atau Kerajaan, atau apa-apa laporan mana-mana prosiding sedemikian, atau bagi maksud memberi nasihat profesional oleh seorang pengamal undang-undang;

(m) penggunaan petikan dari karya yang sudah diterbitkan jika petikan itu bersesuaian dengan amalan yang wajar dan dibuat setakat yang berpatutan dengan maksudnya, termasuk petikan dari artikel surat khabar dan majalah berkala dalam bentuk ringkasan akhbar: Dengan syarat bahawa sumbernya dan nama pencipta yang terdapat pada karya yang digunakan itu disebut;

(n) pengeluaran semula oleh akhbar, penyiaran atau penayangan kepada awam akan artikel yang telah diterbitkan dalam surat khabar atau majalah berkala mengenai topik semasa, jika pengeluaran semula, penyiaran atau penayangan sedemikian tidak

dipeliharakan dengan nyata: Dengan syarat bahawa sumbernya adalah dinyatakan dengan jelas;

- (o) pengeluaran semula oleh akhbar, penyiaran atau pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam syarahan, ucapan dan karya lain dari jenis yang sama yang disampaikan kepada awam jika penggunaan sedemikian itu adalah bagi maksud makluman dan tidak dipeliharakan dengan nyata;
- (p) penyewaan secara komersial akan program komputer, jika program itu bukanlah matlamat penting penyewaan itu; dan
- (q) pembuatan suatu salinan elektronik fana dan sampingan suatu karya yang telah dijadikan tersedia di suatu rangkaian jika pembuatan salinan itu diperlukan untuk menonton, mendengar atau menggunakan karya tersebut.

(2A) Bagi maksud perenggan (2)(a), dalam menentukan sama ada sesuatu urusan itu merupakan suatu urusan yang wajar, faktor yang diambil kira hendaklah termasuk :

- (a) maksud dan sifat urusan itu, termasuk sama ada urusan itu bersifat komersial atau bagi maksud pendidikan yang bukan mencari keuntungan;
- (b) sifat karya yang mendapat hak cipta itu;
- (c) amaun dan banyaknya bahagian yang digunakan berhubungan dengan karya yang mendapat hak cipta itu secara keseluruhan; dan
- (d) kesan daripada urusan itu terhadap potensi pasaran bagi atau nilai karya yang mendapat hak cipta itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(l), : suatu badan perundangan, ertinya Parlimen Malaysia atau, berhubungan dengan sesuatu Negeri, pihak berkuasa yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Negeri itu untuk membuat undang-undang bagi Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Dokumen reka bentuk dan model

(1) Adalah tidak menjadi suatu pelanggaran apa-apa hak cipta dalam suatu dokumen reka bentuk atau model yang merekodkan atau yang mengandungi reka bentuk bagi apa-apa jua selain daripada suatu karya seni atau rupa taip :

(a) untuk membuat suatu barang mengikut reka bentuk itu, atau untuk meniru atau untuk mengeluarkan semula suatu barang yang dibuat mengikut reka bentuk itu; atau

(b) untuk mengeluarkan kepada awam, atau memasukkan dalam suatu filem, siaran atau perkhidmatan rancangan kabel, apa-apa jua yang pembuatannya bukanlah, menurut kuasa perenggan (a), suatu pelanggaran hak cipta itu.

(2) Dalam seksyen ini :

dokumen reka bentuk□ ertinya apa-apa rekod suatu reka bentuk, sama ada dalam bentuk lukisan, perihalan bertulis, fotograf, data yang disimpan dalam komputer atau selainnya; dan —reka bentuk□ ertinya reka bentuk apa-apa aspek bentuk atau tatarajah (sama ada dalaman atau luaran) keseluruhan atau sebahagian daripada suatu barang, selain daripada hiasan permukaan. Kesan pengeksplotan reka bentuk yang diterbitkan daripada karya seni

(1) Seksyen ini terpakai jika suatu karya seni telah dieksplotkan, melalui atau dengan lesen daripada pemunya hak cipta, dengan—

(a) membuat, melalui proses atau cara perindustrian, barang yang patut dikira bagi maksud Akta ini sebagai salinan karya itu; dan

(b) memasarkan barang itu di Malaysia atau tempat lain.

(2) Setelah berakhirnya tempoh dua puluh lima tahun dari akhir kalendar yang dalamnya barang itu mula-mula dipasarkan, karya itu boleh ditiru dengan membuat barang daripada apa-apa

perihal, atau melakukan apa-apa jua bagi maksud membuat barang daripada apa-apa perihal, dan apa-apa jua boleh dilakukan berhubungan dengan barang yang dibuat sedemikian, tanpa melanggar hak cipta dalam karya itu.

(3) Jika hanya sebahagian daripada suatu karya seni dieksploitkan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1), subseksyen (2) terpakai hanya berhubungan dengan bahagian itu.

(4) Menteri boleh melalui perintah membuat peruntukan—

(a) tentang hal keadaan yang dalamnya suatu barang, atau apa-apa perihal barang, hendaklah dianggap bagi maksud seksyen ini sebagai dibuat melalui proses atau cara perindustrian; dan

(b) untuk mengeluarkan daripada kuat kuasa seksyen ini apa-apa barang yang pada asasnya berciri sastera atau seni yang difikirkannya patut.

5) Dalam seksyen ini—

(a) sebutan mengenai barang tidak termasuk filem; dan

(b) sebutan mengenai pemasaran sesuatu barang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai penjualan atau penyewaan atau penawaran atau pendedahan bagi penjualan atau sewaan barang itu. (Dipotong oleh Akta A1420).

Kuasa hak cipta mengenai karya seni bina

(1) Hak cipta mengenai sesuatu karya seni bina adalah juga termasuk hak eksklusif untuk mengawal pembinaan apa-apa bangunan yang mengeluarkan semula keseluruhan atau sebahagian besar karya itu sama ada dalam bentuk asalnya atau dalam apa-apa bentuk yang boleh dikenal sebagai diambil daripada yang asalnya: Dengan syarat bahawa hak cipta dalam mana-mana karya itu tidaklah termasuk hak untuk mengawal pembinaan semula atau pemulihan sesuatu bangunan yang berkenaan dengan hak cipta itu mengikut stailnya yang asal.

Kuasa hak cipta mengenai siaran

- (1) Hak cipta mengenai sesuatu siaran adalah hak eksklusif untuk mengawal di Malaysia rakaman, pengeluaran semula, dan penyiaran semula, keseluruhan atau sebahagian besar siaran itu, dan pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam di tempat yang mengenakan bayaran masuk bagi keseluruhan atau sebahagian besar sesuatu siaran televisyen sama ada dalam bentuk asalnya atau dalam apa-apa bentuk yang boleh dikenal sebagai diambil daripada yang asalnya.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), perenggan 13(2)(a), (g), (gg), (ggg), (gggg), (h) dan (o) hendaklah juga terpakai bagi hak cipta mengenai siaran.
- (3) Hak cipta mengenai sesuatu siaran televisyen adalah termasuk hak untuk mengawal pengambilan gambar pegun dari siaran tersebut. Penyiaran karya yang dimuatkan dalam filem

16. (1) Jika pemunya hak cipta mana-mana karya sastera, muzik atau seni membenarkan seseorang untuk memuatkan karya itu dalam sesuatu filem dan sesuatu perkhidmatan penyiaran menyiarkan filem itu, kiranya tidak ada apa-apa persetujuan sebaliknya yang nyata di antara pemunya hak cipta dan orang itu, maka hendaklah disifatkan bahawa pemunya hak cipta itu telah membenarkan siaran itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika sesuatu perkhidmatan penyiaran menyiarkan sesuatu filem dalam mana suatu karya sastera, muzik atau seni telah dimuatkan, pemunya hak untuk menyiarkan karya sastera, muzik atau seni itu adalah berhak untuk menerima pampasan yang patut daripada perkhidmatan penyiaran itu.

Kuasa hak pelaku

- (1) Hak pelaku ialah hak eksklusif untuk mengawal di Malaysia—
 - (a) penyampaian kepada orang awam sesuatu persembahan, kecuali jika persembahan yang digunakan dalam penyampaian kepada orang awam itu sendiri ialah suatu persembahan;

- (b) penetapan bagi sesuatu persembahan yang belum ditetapkan;
 - (c) pengeluaran semula penetapan suatu persembahan;
 - (d) pengedaran kepada orang awam buat pertama kali suatu penetapan sesuatu persembahan, atau salinannya, melalui jualan atau pindah hakmilik pemunyaan lain; dan
 - (e) penyewaan komersial kepada orang awam penetapan sesuatu persembahan, atau salinannya, tanpa mengira pemunyaan salinan yang disewa.
- (2) Pelaku akan hilang hak eksklusifnya di bawah perenggan (1)(b) apabila dia memberikan persetujuan bagi penetapan persembahannya itu.
- (3) Walau apa pun subseksyen (1), hak untuk mengawal di bawah subseksyen itu tidak termasuk hak untuk mengawal—
- (a) sesuatu rakaman bunyi secara terus atau tidak terus atau filem secara tidak terus sesuatu persembahan —
 - (i) yang merupakan suatu rakaman bunyi atau filem yang dibuat semata-mata bagi maksud kegunaan persendirian dan domestik orang yang membuatnya; atau
 - (ii) yang merupakan suatu rakaman bunyi atau filem yang dibuat semata-mata untuk digunakan dalam penyelidikan sains;
 - (b) sesuatu rakaman bunyi atau filem secara terus atau tidak terus sesuatu persembahan —
 - (i) yang dibuat bagi maksud, atau yang dikaitkan dengan, pelaporan berita atau peristiwa semasa;
 - (ii) yang dibuat bagi maksud mengkritik atau mengulas; atau
 - (iii) dibuat bagi maksud suatu prosiding kehakiman, suatu prosiding suruhanjaya diraja atau badan perundangan, suatu siasatan berkanun atau Kerajaan, atau laporan mengenai mana-mana prosiding atau siasatan itu, atau bagi maksud pemberian nasihat profesional oleh pengamal undang-undang;

- (c) sesuatu rakaman bunyi atau filem secara tidak terus sesuatu persembahan —
- (i) yang merupakan suatu rakaman bunyi atau filem yang dibuat oleh, atau bagi pihak, badan yang mentadbirkan sesuatu institusi pendidikan semata-mata bagi maksud institusi itu atau institusi pendidikan lain; atau
 - (ii) yang merupakan suatu rakaman bunyi atau filem yang dibuat oleh, atau bagi pihak, badan yang mentadbirkan suatu institusi bagi membantu orang yang tidak berupaya menulis atau membaca semata-mata bagi maksud mengadakan bantuan, sama ada oleh institusi itu atau selainnya, kepada orang yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, intelek atau menulis dan membaca;
- (d) suatu rakaman bunyi atau filem secara terus sesuatu persembahan yang dibuat oleh atau di bawah arahan atau kawalan suatu perkhidmatan penyiaran yang telah mendapat persetujuan pelaku untuk menyiarkan persembahan itu, dan rakaman atau filem itu dimusnahkan sebelum berakhir tempoh enam bulan sebaik selepas rakaman atau filem itu dibuat atau suatu tempoh yang lebih lama yang dipersetujui antara perkhidmatan penyiaran dengan pelaku itu;
- e) sesuatu rakaman bunyi secara terus atau secara tidak terus atau filem secara tidak terus sesuatu persembahan yang dibuat oleh seseorang yang semunasabahnya mempercayai bahawa, oleh sebab sesuatu salah nyataan bersifat fraud atau tanpa niat salah yang telah dibuat kepadanya, pelaku itu telah membenarkan pembuatan rakaman oleh orang itu;
- (f) sesuatu salinan rakaman bunyi atau filem yang disebut dalam perenggan(a), (b), (c) dan (d), yang merupakan salinan yang dibuat semata-mata bagi maksud yang disebut dalam mana-mana perenggan itu;

(g) sesuatu salinan rakaman bunyi atau filem yang disebut dalam perenggan (e), yang merupakan salinan yang dibuat semata-mata bagi maksud yang disebut dalam perenggan itu; dan

(h) sesuatu salinan rakaman bunyi atau filem yang disebut dalam perenggan(f), yang merupakan salinan yang dibuat—

(i) oleh seseorang yang mempercayai bahawa, oleh sebab salah nyataan bersifat fraud atau tanpa niat salah yang telah dibuat kepada orang itu, pelaku yang berkenaan telah memberikan persetujuan bagi pembuatan salinan itu; atau

(ii) semata-mata bagi suatu maksud yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d).

(4) Bagi maksud seksyen ini—

—secara terus□ berhubung dengan rakaman bunyi atau filem bagi sesuatu persembahan, ertinya dibuat terus daripada persembahan itu;

—secara tidak terus□ berhubung dengan rakaman bunyi atau filem bagi sesuatu persembahan, ertinya dibuat daripada suatu siaran atau siaran semula persembahan itu.

Saraan saksama

(1) Jika sesuatu rakaman bunyi diterbitkan bagi maksud komersial atau sesuatu keluaran semula rakaman itu dipersembahkan di hadapan orang awam atau digunakan secara langsung dalam sesuatu siaran atau penyampaian lain kepada orang awam, suatu saraan yang saksama bagi persembahan itu hendaklah kena dibayar kepada pelaku oleh pengguna rakaman bunyi itu.

- (2) Saraan tidak boleh dianggap tidak saksama semata-mata kerana dibayar secara sekali bayar.
- (3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melucutkan hak seseorang pelaku untuk bersetuju melalui kontrak atas terma dan syarat yang lebih baik baginya berkenaan dengan persembahannya
- (3A) Dalam ketiadaan kontrak tentang saraan yang saksama yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), pelaku boleh memohon kepada Tribunal untuk menentukan amaun yang kena dibayar sebagai saraan yang saksama.
- (3B) Pelaku boleh juga memohon kepada Tribunal—
- (a) untuk mengubah apa-apa kontrak tentang amaun yang kena dibayar sebagai saraan yang saksama; atau
- (b) untuk mengubah apa-apa penentuan Tribunal yang terdahulu berhubung dengan saraan yang saksama itu.
- (3C) Permohonan oleh seseorang pelaku di bawah perenggan (3B)(b) hanya boleh dibuat dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penentuan yang terdahulu, melainkan jika kebenaran khas oleh Tribunal telah diperolehi.
- (3D) Apabila dibuat permohonan di bawah seksyen ini, Tribunal hendaklah mempertimbangkan perkara itu dan membuat apa-apa perintah tentang cara pengiraan dan pembayaran saraan yang saksama sebagaimana yang difikirkannya munasabah dalam hal keadaan itu, dengan mengambil kira kepentingan sumbangan pelaku kepada rakaman bunyi itu.
- (3E) Sesuatu kontrak tidak mempunyai kesan setakat yang ia bermaksud untuk menghalang seseorang pelaku mempersoalkan amaun saraan yang saksama atau menyekat kuasa Tribunal di bawah seksyen ini.

- (4) Bagi maksud seksyen ini, —diterbitkan bagi maksud komersial□ ertinya rakaman bunyi itu telah dijadikan tersedia kepada orang awam melalui cara wayar atau wayarles dengan cara yang sedemikian rupa yang membolehkan orang awam mendapat akses kepadanya dari suatu tempat dan pada masa yang masing-masingnya dipilih oleh mereka.

Jangka masa hak cipta mengenai karya sastera, muzik atau seni

- (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, hak cipta mengenai mana-mana karya sastera, muzik atau seni yang wujud mengenai karya itu di bawah Akta ini wujud semasa hayat pencipta dan hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun selepas kematiannya.
- (2) Jika sesuatu karya sastera, muzik atau seni tidak pernah diterbitkan sebelum kematian penciptanya, hak cipta yang wujud mengenai karya itu di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan dengan tahun yang karya itu mula-mula diterbitkan.
- (3) Jika sesuatu karya sastera, muzik atau seni diterbitkan tanpa nama atau dengan menggunakan nama samaran, hak cipta yang wujud mengenai karya itu di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun karya itu diterbitkan atau mula-mula dijadikan tersedia kepada orang awam atau dibuat, mengikut mana-mana yang paling kemudian:

Dengan syarat bahawa sekiranya identiti pencipta telah diketahui jangka masa hak cipta hendaklah dikira menurut subseksyen (1).

- (4) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai —pencipta□ hendaklah, dalam hal karya ciptaan bersama, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pencipta yang meninggal dunia terkemudian.

Jangka masa hak cipta mengenai edisi diterbitkan

Hak cipta yang wujud mengenai sesuatu edisi diterbitkan di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan dengan tahun yang edisi itu mula-mula diterbitkan.

Jangka Masa Hak Cipta Mengenai Rakaman Bunyi

Hak cipta yang wujud mengenai sesuatu rakaman bunyi di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun rakaman itu mula-mula diterbitkan atau, jika rakaman bunyi itu tidak diterbitkan, dari permulaan tahun kalendar itu berikutan tahun penetapan.

Jangka Masa Hak Cipta Mengenai Siaran

1. Hak cipta yang wujud mengenai sesuatu siaran di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan dengan tahun yang siaran itu mula-mula dibuat.
2. (Dipotong oleh Akta A994).

Jangka Masa Hak Cipta Mengenai Filem

Hak cipta yang wujud mengenai sesuatu filem di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun filem itu mula-mula diterbitkan.

Jangka Masa Hak Cipta Mengenai Karya Kerajaan, Pertubuhan Kerajaan Dan Badan Antarabangsa

23. Hak cipta yang wujud mengenai karya Kerajaan, pertubuhan Kerajaan, dan badan antarabangsa yang wujud di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan dengan tahun yang karya itu mula-mula diterbitkan.
Jangka masa hak pelaku

23A. Hak mengenai persembahan yang wujud di bawah Akta ini hendaklah terus wujud sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun persembahan itu diadakan atau ditetapkan dalam suatu rakaman bunyi.

Jangka Masa Saraan Saksama

1. Hak kepada saraan yang saksama hendaklah wujud dari masa rakaman bunyi diterbitkan sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun penerbitan atau, jika rakaman bunyi itu tidak diterbitkan, dari masa penetapan rakaman bunyi itu sehingga habis tempoh lima puluh tahun yang dihitung dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun penetapan itu.
2. (Dipotong oleh Akta A775).

Hak Moral

- (1) Bagi maksud seksyen ini, perkataan —nama termasuklah nama pendek atau monogram.
- (2) Tertakluk kepada seksyen ini, apabila hak cipta wujud dalam sesuatu karya, tiada seorang pun boleh, tanpa persetujuan penciptanya, atau, selepas kematian pencipta, wakil dirinya, melakukan atau membenarkan perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:
 - (a) penyampaian karya itu dengan apa cara sekalipun, tanpa mengenal pasti pencipta atau di bawah suatu nama selain daripada nama pencipta karya itu; dan
 - (b) perosakan, **pencacatan atau pengubahsuaian yang lain akan** karya itu jika perosakan, pencacatan atau pengubahsuaian itu—
 - (i) mengubah dengan jelas karya itu; dan
 - (ii) sedemikian rupa yang dengan munasabahnya boleh dianggap sebagai memudaratkan kehormatan atau reputasi pencipta.

- (3) Jika seseorang telah dibenarkan, sama ada oleh sebab sesuatu serah hak, lesen atau selainnya, untuk menerbitkan, mengeluarkan semula, melakukan di hadapan awam atau menyampaikan kepada orang awam sesuatu karya, orang itu boleh melakukan ubah suaian ke atas karya itu jika adalah munasabah untuk menjangkakan yang penerbitan, pengeluaran semula, pertunjukan awam atau penyampaian kepada orang awam yang dibenarkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh dilakukan tanpa ubah suaian itu, tetapi tiada apa jua pun dalam subseksyen ini boleh membenarkan suatu ubah suaian ke atas karya yang akan menjadi pelanggaran terhadap subseksyen (2).
- (4) Pencipta atau, selepas kematiannya, wakil dirinya, boleh menggunakan hak yang diberikan oleh seksyen ini walaupun pada masa aduan terhadap perbuatan itu dibuat, hak cipta ke atas karya itu tidak terletak hak pada pencipta atau wakil diri, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (5) Apa-apa pelanggaran atau pelanggaran yang mungkin berlaku terhadap seksyen ini berkenaan dengan sesuatu karya bolehlah diambil tindakan atas guaman pencipta karya itu atau, jika dia mati, atas guaman wakil dirinya, sebagai pelanggaran terhadap kewajipan statutori.
- (6) Apa-apa ganti rugi yang didapati di bawah seksyen ini oleh seorang wakil diri berkenaan dengan suatu pelanggaran yang dilakukan berhubungan dengan suatu karya selepas kematian pencipta karya itu hendaklah turun sebagai sebahagian daripada aset pencipta, seolah-olah hak bertindak telah wujud dan terletak hak ke atasnya sebaik sahaja sebelum kematiannya.
- (7) Jika dalam sesuatu tindakan yang dibawa di bawah seksyen ini suatu pelanggaran terhadap sekatan yang dikenakan oleh seksyen ini dibuktikan atau diakui, mahkamah boleh memerintahkan pesalah supaya menyiarkan apa-apa pembedahan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.
- (8) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh mengurangkan sesuatu hak bertindak atau remedi lain (sama ada sivil atau jenayah) dalam prosiding yang dimulakan melainkan dengan sebab seksyen ini; tetapi subseksyen

ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghendaki supaya apa-apa ganti rugi yang didapati oleh sebab seksyen ini tidak dimasukkan dalam mentaksir ganti rugi dalam mana-mana prosiding yang dimulakan melainkan dengan sebab seksyen ini dan yang timbul daripada transaksi yang sama.

Hak Moral Pelaku

- (1) Seseorang pelaku hendaklah, berkenaan dengan persembahannya atau persembahannya yang telah ditetapkan dalam fonogram, mempunyai hak—
 - (a) untuk menuntut supaya dikenali sebagai pelaku bagi persembahannya, kecuali jika ketinggalan itu berlaku oleh cara penggunaan persembahan itu; dan
 - (b) untuk membantah apa-apa gangguan, pencacatan atau pengubahsuaian lain persembahannya yang akan menjejaskan reputasinya.
- (2) Hak yang diberikan kepada pelaku di bawah subseksyen (1) hendaklah selepas kematiannya, disenggarakan dan hendaklah boleh digunakan oleh orang atau institusi yang diberi kuasa oleh pelaku itu.
- (3) Bagi maksud seksyen ini, —fonogram□ ertinya penetapan bunyi sesuatu persembahan atau bunyi lain atau perlambangan bunyi itu, selain dalam bentuk penetapan yang digabungkan dalam filem atau karya audiovisual lain.

BAHAGIAN IV

PEMUNYAAN DAN PENYERAHAN HAK CIPTA

Pemunyaan Pertama Hak Cipta

- (1) Hak cipta yang diberikan oleh seksyen 10 hendaklah terletak hak mulanya pada penciptanya.

(2) Walau apa pun subseksyen 27(6), jika sesuatu karya—

(a) telah ditempah oleh seseorang yang bukannya majikan pencipta karya itu di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan; atau

(b) yang tidak ditempah sedemikian, dibuat dalam masa bekerjanya pencipta karya itu, maka hak cipta itu hendaklah disifatkan sebagai dipindah milik kepada orang yang telah menempah karya itu atau kepada majikan pencipta itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian di antara pihak yang berkenaan yang menolak atau mengehadkan pindah milik tersebut.

(3) Hak cipta yang diberikan oleh seksyen 11 hendaklah terletak hak mulanya pada Kerajaan, pertubuhan Kerajaan atau badan antarabangsa dan bukannya pada pencipta karya itu.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (3)—

(a) nama yang terdapat pada sesuatu karya yang berupa nama pencipta karya itu hendaklah dianggap sebagai demikian melainkan jika dibuktikan sebaliknya;

(b) dalam hal sesuatu karya tanpa nama atau yang bernama samaran, penerbit yang namanya dinyatakan dalam karya itu sebagai demikian hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai wakil di sisi undang-undang pencipta tanpa nama atau bernama samaran itu dan adalah berhak untuk menggunakan dan memelihara hak yang dimiliki oleh pencipta itu di bawah Akta ini;

(c) dalam hal sesuatu karya yang belum diterbitkan, jika identiti pencipta karya itu tidak diketahui, tetapi jika ada sebab-sebab bagi menganggap bahawa dia adalah warganegara Malaysia, hak cipta yang diberi menurut Akta ini hendaklah disifatkan sebagai terletak hak pada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kebudayaan.

- (5) Perenggan 4(b) dan (c) tidak boleh dipakai lagi apabila identiti pencipta itu telah diketahui.

Pemberitahuan sukarela hak cipta

- (1) Suatu pemberitahuan hak cipta dalam apa-apa karya boleh dibuat kepada Pengawal oleh atau bagi pihak pencipta karya, pemunya hak cipta karya, pemegang serah hak hak cipta, atau seseorang yang telah diberi kepentingan dalam hak cipta melalui lesen.
- (2) Suatu pemberitahuan hak cipta tidak boleh dilayan melainkan jika fi yang ditetapkan telah dibayar kepada Pengawal.
- (3) Suatu pemberitahuan hak cipta hendaklah mengandungi butiran yang berikut:
- (a) nama, alamat dan kewarganegaraan pemunya hak cipta;
 - (b) suatu akuan berkanun bahawa pemohon ialah pencipta karya, atau pemunya hak cipta karya, atau pemegang serah hak hak cipta, atau seseorang yang telah diberi kepentingan dalam hak cipta melalui lesen;
 - (c) kategori karya;
 - (d) tajuk karya;
 - (e) nama pencipta dan, jika pencipta telah meninggal dunia, tarikh kematian pencipta itu, jika diketahui;
 - (f) dalam hal karya yang telah diterbitkan, tarikh dan tempat penerbitan yang pertama; dan
 - (g) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Menteri.

Daftar Hak Cipta

- (1) Pengawal hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Hak Cipta.

- (2) Daftar Hak Cipta hendaklah mengandungi semua butiran berhubungan dengan hak cipta dalam sesuatu karya sebagaimana yang diberitahu kepada Pengawal di bawah seksyen 26A.
- (3) Daftar Hak Cipta hendaklah disimpan mengikut apa-apa bentuk dan pada apa-apa bahantara yang ditentukan oleh Menteri.
- (4) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar Hak Cipta pada bila-bila masa dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Menteri, dan boleh mendapatkan petikan yang diperakui sah daripada Daftar apabila dibayar fi yang ditetapkan.
- (5) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh memperakui sah petikan benar daripada Daftar Hak Cipta yang hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai butiran yang dicatatkan dalamnya dan petikan daripada Daftar Hak Cipta yang diperakui sah itu hendaklah boleh diterima di semua mahkamah.

Pindaan kepada Daftar Hak Cipta

- (1) Pengawal boleh membetulkan apa-apa kesilapan perkeranian dalam mana-mana catatan yang dibuat dalam Daftar Hak Cipta.
- (2) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi—
 - (a) membetulkan apa-apa kesilapan dalam catatan dalam Daftar; atau
 - (b) memadamkan atau meminda apa-apa catatan yang dibuat secara salah dalam atau yang masih ada dalam Daftar, dan apa-apa pembetulan, pemadaman atau pindaan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang diperintahkan oleh mahkamah.
- (3) Bagi maksud seksyen ini, —mahkamah□ ertinya Mahkamah Tinggi yang berkenaan di Malaysia.

Penyerahan, Lesen Dan Pemberian Berwasiat

(1) Tertakluk kepada seksyen ini, hak cipta boleh dipindah milik sebagai harta alih melalui penyerahhakan, pemberian berwasiat atau dengan kuat kuasa undang-undang.

(2) Sesuatu penyerahhakan atau pemberian berwasiat hak cipta boleh dihadkan supaya ia terpakai bagi setengah-setengah perbuatan sahaja yang pemunya hak cipta itu ada hak eksklusif mengawalinya, atau bagi sebahagian tempoh hak cipta itu sahaja atau bagi sesuatu negara atau kawasan geografi tertentu lain.

(3) Tiada penyerahhakan hak cipta dan tiada lesen bagi melakukan sesuatu perbuatan yang perlakuannya dikawal oleh hak cipta boleh berkuat kuasa kecuali dengan bertulis.

(4) Sesuatu penyerahan atau lesen yang diberi oleh seorang pemunya hakcipta hendaklah berkuat kuasa seolah-olah penyerahhakan atau lesen itu diberi oleh pemunya atau pemunya- pemunya bersamanya juga, dan tertakluk kepada apa-apa perjanjian di antara mereka, bayaran yang diterima oleh salah seorang daripada pemunya hak cipta itu hendaklah dibahagikan sama rata antara kesemua pemunya bersama itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, orang hendaklah disifatkan sebagai pemunya bersama jika mereka berkongsi kepentingan bersama dalam keseluruhan atau sebahagian sesuatu hak cipta.

(6) Sesuatu penyerahhakan, lesen atau pemberian berwasiat boleh diberikan atau dibuat dengan berkesan berkenaan dengan sesuatu karya masa depan, atau sesuatu karya yang wujud yang hak cipta mengenainya belum lagi wujud, dan hak cipta masa depan mengenai mana-mana karya itu boleh dipindah milik dengan kuat kuasa undang-undang sebagai harta alih.

(7) Jika di bawah sesuatu pemberian berwasiat, sama ada secara khusus atau am, seseorang berhak secara benefisial atau sebaliknya kepada manuskrip sesuatu karya sastera, atau muzik, atau kepada sesuatu karya seni, dan karya itu tidak pernah diterbitkan sebelum kematian pewasiat, pemberian berwasiat itu hendaklah, melainkan tujuan yang sebaliknya dinyatakan dalam

wasiat atau kodisil kepada wasiat itu, ditafsirkan sebagai termasuk hak cipta mengenai karya itu setakat mana pewasiat itu adalah pemunya hak cipta itu sebaik sahaja sebelum kematiannya.

6.2 Isu-Isu Media sosial

Sebahagian daripada generasi baru yang menggunakan aplikasi Web 2.0, mereka bertanggapan media sosial menggambarkan teknologi yang memudahkan maklumat interaktif, dan berkolaborasi. Laman media sosial berkembang pesat dan menjadi amat diperlukan oleh pengguna. Pada bulan Ogos 2010, Facebook mengatasi Google sebagai tapak nombor satu di mana pengguna internet menghabiskan majoriti masa dalam talian mereka - 41 juta jam untuk pengguna Facebook berbanding 39900000 jam untuk Google. Satu laporan Nielsen baru-baru ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, pengguna menghabiskan satu perempat daripada masa dalam talian mereka menggunakan aplikasi media sosial.

Isu-isu media sosial antaranya:-

- tujuan perniagaan
- mendidik pengguna
- melaksanakan pengawalseliaan
- Komunikasi
- Dengan wujud dan penggunaan laman media sosial, menyebabkan lebih akses kepada pelanggan dan maklumat tentang mereka. Peluang untuk mengumpul maklumat tambahan yang boleh membawa risiko.
- Mangsa dibuli dilaman sosial
- Menghina dan memperlekehkan seseorang
- Pengguna leka dengan media sosial
- penggunaan media sosial berlaku di luar waktu kerja tetapi mengganggu produktiviti.

6.3 Isu-isu etika.

Guru dan pelajar patut mengetahui tentang etika penggunaan bahan dalam teknologi pengajaran. Etika penggunaan ini ada kaitan dengan hak cipta yang memberi kesan kepada sekolah dan guru. Guru dan pelajar perlu

didedahkan terhadap polisi hak cipta. Ini termasuklah peraturan menggunakan bahan secara sah yang melibatkan hak cipta, cetak rompak perisian, muzik digital, photo dan video. Ada kalanya guru bersalah meyalin perisian secara tidak sah yang dikaitkan dengan budget sekolah yang terbatas dan harga perisian yang mahal. Ini tidak boleh dilakukan!. Menyalin secara tidak sah dikatakan mencuri. Guru tidak boleh melakukan perkara seperti ini, dan guru perlu memberi pengetahuan kepada pelajar mereka tentang penyalinan yang tidak sah ini tidak boleh diteruskan jika ianya benar-benar berlaku.

Guru perlu mendidik pelajar supaya menggunakan komputer dengan cara yang betul. Guru patut memberi pengetahuan mengenai perkara-perkara yang melibatkan etika penggunaan komputer iaitu:

- a. **Penggodam (Hackers)**, iaitu individu yang tidak mempunyai autoriti untuk mengakses sistem komputer, biasanya untuk menunjukkan kepakaran dan keseronokan yang dilihat sebagai wira. walaupun penggodam sering tidak berniat jahat tetapi mereka menimbulkan masalah kepada sistem komputer.
- b. **Virus Komputer (computer viruses)**, Virus menimbulkan masalah kepada sistem komputer. Virus ini senang merebak kepada komputer melalui penggunaan peranti storan yang dijangkiti virus seperti **flash drive**. Virus ini kadang kala dimuat-turun secara tidak sengaja daripada internet. Untuk mengelak daripada masalah virus ini, semua pihak yang menggunakan komputer perlu mempunyai perisian antivirus.
- c. **Plagiat (Plagiarism)**, iaitu seseorang individu yang membuat penyalinan atau meniru daripada artike hasil kerja asal orang lain dan menyebarkan semula sebagai haknya . Ini perbuatan yang tidak jujur, kerana meyebarakan semula artikel yang tidak tulen. Teknologi memainkan peranan terhadap dunia plagiat. Pertama, plagiat melibatkan penyalinan sesuatu. Dalam era dunia digital, fitur menyalin (copy) didapati dalam hampir semua perisian yang memudahkan penyalinan dibuat secara pantas dengan kos yang minima. Kedua, era informasi memudahkan semua jenis informasi digital diperolehi melalui internet. Penyalinan atau muat turun klip video, muzik dan sebagainya dapat dilakukan dengan mudah apabila menggunakan perisian yang tertentu seperti *youtube downloader dan torrent*.

Bagaimana untuk membentaras plagiat? Langkah-langkah untuk mengelak daripada plagiat berdasarkan McCullen (2002):

1. Beri pendedahan kepada pelajar terhadap konsep hak intelek dan masalah yang berkaitan dengan plagiat.
2. Beri contoh plagiat yang sengaja dan tidak sengaja
3. Menyatakan mengapa plagiat tidak boleh diterima, harapan dan polisi anda
4. Ajar bagaimana menggunakan teknik mengambil nota (contoh, Teknik Cornell) dan membantu pelajar menggunakan perkataan sendiri.
5. Menyediakan kaedah rujukan yang betul kepada pelajar
6. Adakan aktiviti di mana pelajar boleh berlatih mengumpul maklumat, mengambil nota, membina draf dan menulis rujukan yang betul.

d. Keselamatan (*Security*)

Internet dan e-mel terdedah kepada ancaman seperti pencerobohan, penyelewengan, pemalsuan, pemintasan dan pencerobohan rahsia. Oleh itu, Keselamatan internet dan e-mel perlu melindungi maklumat rahsia. Keselamatan internet dan e-mel bergantung kepada faktor-faktor sokongan berikut:

1. Keselamatan Fizikal

Komputer hendaklah ditempatkan ditempat yang selamat daripada pencerobohan atau sebarang capaian yang tidak sah.

2. Keselamatan Dokumen Elektronik

Untuk mengelakkan penerimaan dan penghantaran dokumen bebas daripada virus, penggunaan perisian antivirus perlu digunakan dan dikemaskini dari masa ke masa. Semua dokumen yang mustahak hendaklah dibuat salinan fail.

3. Tandatangan Digital

Agensi kerajaan yang mengendalikan maklumat rahsia rasmi mesti menggunakan tandatangan digital yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa yang ditauliahkan oleh kerajaan Malaysia iaitu Pihak Berkuasa Persijilan.

4. Keselamatan pengendalian e-mel Rahsia Rasmi

Semua e-mel rahsia rasmi yang dihantar, diterima dan disimpan mesti mempunyai sistem keselamatan yang mencukupi seperti *Firewall* dan *Virtual Private Network*.

6.4 Teknologi, Pengajaran dan Anda

6.4.1 Literasi Teknologi Pendidikan

Literasi Teknologi menjadi lambang abad ke-21. Menurut Shohet (1996) Pusat Literasi Montreal, Kanada, literasi dalam, alaf baru mesti berkembang untuk merangkumi pelbagai sumber media, termasuk Internet, teks elektronik, dan teknologi sebagai pengantara komunikasi. Oleh sebab itu, Sebagai pendidik perlu mempertimbangkan apa yang di maksudkan literasi teknologi dalam abad ke-21 ini, maklumat dan teknologi yang didorong masyarakat, definisi literasi yang menggabungkan teknologi telah muncul. Dalam menentukan bagaimana institusi pendidikan tinggi boleh mula untuk menutup digital / membahagi teknologi dengan mengintegrasikan kecekapan LT dalam kurikulum mereka. TL dan literasi berasaskan teknologi, termasuk: celik komputer, literasi tempat kerja, digitalliterasi, literasi maklumat, dan akhirnya, celik teknologi Literasi Komputer.

Apakah literasi komputer (CL)? Menurut Holum dan Gahala, literasi komputer ditakrifkan sebagai "keupayaan untuk menggunakan alat komputer dengan tepat dan berkesan seperti pemproses perkataan, helaian elektronik , pangkalan data, dan perisian persembahan dan grafik "(2006,ms. 2). Holum dan Gahala juga menyatakan istilah berasingan, teknologi celik komputer, dan menyifatkan kompetensi ini sebagai "keupayaan untuk memanipulasi perkakasan yang berada dalam sistem struktur teknologi "(ms 2). Sebaliknya, Gupta dan Ndahi (2002) mencadangkan satu konsep yang lebih umum CL dengan

menggambarkan orang yang celik komputer sebagai salah satu yang selesa mengakses fungsi asas komputer dengan menggunakan program-program perisian yang diperlukan dalam profesion mereka, termasuk pemprosesan perkataan dan program helaian elektronik serta pelayar internet dan program laman web.

Literasi Tempat Kerja (WL)

Apakah literasi tempat kerja (WL)? Jawapan kepada soalan ini bergantung kepada beberapa kepada tetapan. Menurut Sticht (1995), literasi tempat kerja adalah relatif dan berterusan. Literasi tempat kerja mesti diukur berdasarkan hasil kepada keperluan tempat kerja tertentu. Selain itu, tempat kerja memerlukan perubahan, berdasarkan dalaman dan menjual evolusi luaran, literasi tempat kerja memerlukan pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan pembelajaran dalam kemahiran terkini dan paling relevan yang diperlukan di tempat kerja (Sticht). Oleh itu, WL boleh diringkaskan seperti keupayaan untuk memahami dan mencapai apa yang perlu dalam konteks kerjaya tertentu atau persekitaran tempat kerja dan masa diberikan dalam kerjaya seseorang individu. Implikasi kontemporari adalah, sebagai proses abad ke-21 dan aktiviti menjadi semakin bergantung pada teknologi, semua pekerja perlu memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka untuk bersaing dalam teknologi ini yang dipacu ekonomi dan tenaga kerja.

Literasi Digital

Apakah literasi digital (DL)? Menurut Holum dan Gahala, literasi digital adalah "Keupayaan untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang kandungan dengan menggunakan alat analisis data dan proses pembelajaran dipercepatkan yang dibolehkan daripada teknologi "(2006, ms 3). Menurut Saedi,

Majlis Literasi Digital Global (GDLC), bagaimanapun, telah menerima pakai definisi yang kurang spesifik DL kemahiran yang dikaitkan dengan tempat kerja perlu: "literasi digital adalah satu cara untuk menentukan kompetensi individu untuk berfungsi di tempat kerja "(2003, ms 3). Pada asasnya, GDLC yang menyatakan bahawa pekerja celik komputer akan menjadi salah satu yang "boleh berfungsi dalam ekonomi digital "(Saedi, ms 3). Menariknya, seperti WL, DL muncul secara meluas disambungkan kepada teknologi dan relatif kepada tetapan tenaga kerja yang khusus dan berubah (Saedi).

Literasi Maklumat (IL)

Apakah literasi maklumat (IL)? Kerana teknologi maklumat (IT) adalah istilah yang biasa digunakan, dan salah satu yang boleh dikelirukan dengan literasi maklumat, kita mesti mula-mula menentukan dan menjelaskan IT. Menurut Universiti Purdue (2006), IT adalah terdiri daripada dua bahagian iaitu konsep ketara dan komponen abstrak. Sebahagian teknologi IT merujuk kepada yang ketara, termasuk komputer, perisian, Internet / Intranet dan mesin telekomunikasi. Pada masa yang sama, bahagian maklumat IT merujuk kepada data dan pengetahuan diproses, dan disampaikan dalam sistem teknologi dan yang lain termasuk rakyat dan sistem teknologi luar. Universiti Purdue menyatakan bahawa IT sebagai keseluruhan "menyediakan 'enjin' yang digunakan untuk memandu sistem maklumat yang berguna" (2006, ms 11). IT adalah asas penting struktur dan tenaga memandu, tetapi tidak berkesan tanpa input kemahiran berfikir, kepintaran dan kritikal pengguna manusia. Oleh itu, penggunaan berkesan IT memerlukan seorang individu yang celik dalam penggunaan dan aplikasi IT. Holum dan Gahala menakrifkan literasi maklumat sebagai "keupayaan untuk mengakses dan menggunakan maklumat, menganalisis kandungan, bekerja dengan idea-idea, mensintesis pemikiran, dan berkomunikasi "(2006, ms 3). Literasi maklumat membayangkan pengguna


adalah mahir dan berkesan menggunakan kedua-dua maklumat dan bahagian teknologi Maklumat Teknologi, untuk menyiasat, menyelesaikan masalah, berkomunikasi, dan mewujudkan ketarasistem serta proses maklumat abstrak; orang celik maklumat adalah celik komputer, celik tenaga kerja, dan individu digital celik.

6.4.2 Piawaian Teknologi

6.4.2.1 Pelajar

Piawai Teknologi ialah standard untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pelajar perlu belajar dengan berkesan dan hidup secara produktif dalam dunia digital yang semakin global seperti yang digambarkan pada Rajah 1. Jika hanya pelajar mampu untuk menggunakan teknologi tidak lagi mencukupi. Pelajar hari ini perlu mampu untuk menggunakan teknologi untuk menganalisis,


belajar, dan meneroka. Kemahiran dalam era digital adalah penting untuk menyediakan pelajar untuk bekerja, hidup, dan menyumbang kepada sosial dan masyarakat mereka.



Rajah 1: Piawaian Teknologi Pelajar

6.4.2.2 Guru


Standard teknologi untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pendidik yang diperlukan perlu untuk mengajar, bekerja, dan belajar dalam masyarakat di era global dan digital. Dalam menempuh integrasi teknologi yang terus meningkat dalam masyarakat kita, ia adalah penting bahawa guru-guru mempunyai kemahiran dan tingkah laku profesional era digital seperti dalam Rajah 2. Untuk melangkah ke hadapan, guru mesti selesa mengajar dan belajar bersama pelajar dan rakan-rakan mereka di seluruh dunia.



Rajah 2: Piawaian Teknologi Guru

6.4.2.3 Pentadbir

Standard untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pentadbir sekolah dan pemimpin perlu untuk menyokong pembelajaran era digital, melaksanakan teknologi, dan mengubah landskap pendidikan. Transformasi sekolah dalam pembelajaran di era digital memerlukan kepimpinan daripada orang-orang yang boleh menerima cabaran-cabaran baru dan sanggup menerima peluang-peluang baru. Kejayaan integrasi teknologi bergantung kepada pemimpin-pemimpin yang boleh melaksanakan reformasi sistemik di sekolah-sekolah.



Rajah 3: Piawaian Teknologi Pentadbir



TUGASAN TERARAH

1. Sebagai seorang guru yang telah dilatih dengan peraturan dan etika perguruan, anda telah diminta oleh pihak pengurusan sekolah menyediakan satu laman web bertemakan *Sayangilah Sekolah Kita* untuk dipertandingan di peringkat daerah. Terang dan jelaskan bagaimana anda mengamalkan isu-isu perundangan, isu-isu media sosial, isu-isu etika dalam menyediakan laman web tersebut.



LAMAN WEB

<http://www.iste.org/standards>



PORTFOLIO

Dokumen atau tugas perlu disimpan dalam portfolio dan diserahkan kepada pensyarah dalam bentuk 'soft' dan 'hard' copy.



RUJUKAN

Timothy, J. Newby, Donald, A. Stepich, James, D. Lehman & James, D. R.(2011).*Educational technology for teaching and learning* (4th ed.). Ohio:Merill Prentice Hall.

Lever-Duffy, J. & McDonald, J.B. (2008). *Teaching and Learning with Technology* (3th ed). New York. Pearson, Allyn and Bacon.

Noriati A. Rashid, et. al. (2009). *Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. Oxford Fajar Sdn.Bhd.

IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat